



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KHUTBAH JUMAAT HARI GURU 2024

Tajuk:

“MURABBI INSANI GENERASI MADANI”

Terbitan:

BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴿١٥١﴾
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى
 يَوْمِ الدِّينِ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ
 وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Bersempena sambutan Hari Guru pada tahun ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Murabbi Insani Generasi Madani”**

TETAMU ALLAH SWT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Tanggal 16 Mei setiap tahun telah ditetapkan sebagai tarikh Sambutan Hari Guru di seluruh negara. Ia bertujuan menghargai jasa dan pengorbanan guru sebagai murabbi ummah, sekali gus pewaris tugas para Rasul. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 151 yang dibacakan pada awal khutbah ini yang bermaksud:

“(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul

dari kalangan kamu (yaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (daripada amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.”

Kerjaya sebagai seorang guru bukanlah mudah kerana golongan ini memikul tanggungjawab besar untuk mendidik anak-anak menjadi insan yang berguna. Mereka mempunyai jiwa untuk menyalurkan ilmu kepada anak muridnya yang terdiri daripada pelbagai ragam dan latar belakang. Kasih seorang guru terhadap anak muridnya ibarat kasih ibu bapa kepada anak-anak. Guru juga sentiasa bersedia menghulur bantuan kepada anak didiknya tanpa mengira waktu. Sehubungan dengan itu, sambutan ini adalah bagi mengenang jasa guru, yang banyak menabur bakti bagi pembangunan insani rakyat Malaysia.

Dalam konteks pendidikan negara kita yang tercinta, Sasterawan Negara Almarhum Dato' Usman Awang pernah mengungkap bait-bait kalimat melalui sajak beliau yang menyanjung tinggi budi mulia dan khidmat bakti para guru.

*“Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa
Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa
Dengan lembut sabarnya, mengajar tulis baca”*

Ketahuilah, seseorang yang berkerjaya hebat pada hari ini bermula dengan didikan dan asuhan seorang guru sama ada di bandar atau di luar bandar. Sedarlah, tanpa didikan seorang guru kita tidak mungkin mengenali Tuhan dan menjadi hamba yang soleh sebagaimana kata-kata hikmah:

لَوْ لَا مُرَبِّي مَا عَرَفْتُ رَبِّي

Maksudnya: “*Sekiranya tiada guru yang mendidikku, maka aku tidak mengenali Tuhanku*”.

HADIRIN YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,

Medan pendidikan semakin teruji dengan perkembangan teknologi yang bersifat dinamik, terutamanya apabila melibatkan media sosial yang sukar dikawal. Implikasi media sosial ini jika tidak diurus dengan bijaksana akan cenderung kepada perbuatan yang negatif dalam kalangan penggunanya. Oleh itu, guru perlu bersedia dan membimbing murid untuk menggunakan teknologi agar seiring dengan nilai akhlak. Guru membentuk jiwa, memugar potensi anak bangsa. Kasih sayang seorang guru, memberi bimbingan secara berterusan kepada murid tidak dapat diganti dengan teknologi.

Dewasa ini, medan pendidikan semakin lama semakin teruji dengan perkembangan teknologi yang bergerak pantas terutamanya apabila melibatkan media sosial yang sukar dikawal. Implikasi media sosial ini jika tidak diurus dengan bijaksana akan cenderung kepada perbuatan negatif dalam kalangan penggunanya.

Justeru guru sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab untuk membentuk peribadi dan jati diri anak murid, hendaklah bersedia untuk mengadaptasi pengetahuan teknologi agar seiring dengan tuntutan semasa. Cabaran ini perlu disahut oleh guru dengan hati yang terbuka. Penambahbaikan diri perlu ditingkatkan oleh guru terutamanya dari segi akhlak dan adab, ilmu pengetahuan, sifat ihsan serta integriti dalam setiap tindak tanduk yang dipersembahkan khususnya kepada murid, dan amnya kepada masyarakat.

Dalam masa yang sama, menjadi suri teladan agar dapat dicontohi oleh anak bangsa dalam pelbagai aspek yang menuntut kepada fungsi dan peranan sebagai seorang guru. Setiap tingkah laku guru sentiasa diperhatikan oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, guru mestilah menghindarkan diri daripada terlibat dengan anasir-anasir yang boleh mencemarkan imej seorang guru. Guru berjiwa pendidik perlu mempercayai bahawa ilmu mesti dicari secara sukarela dan berterusan untuk membentuk keperibadian, perwatakan serta profesionalisme seseorang guru. Dalam konteks ini, guru berjiwa pendidik hendaklah memahami tugas dan tanggungjawab secara profesional dan terperinci.

SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,

Sebenarnya, ruang lingkup sistem pendidikan tidak hanya terhad di sekolah sahaja, namun ia meliputi pelbagai fungsi dan peranan. Sekolah ialah tempat untuk anak-anak menuntut ilmu dan pengalaman yang bermakna, seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, sokongan ibu bapa, penjaga dan masyarakat kepada guru sangatlah diharapkan, bagi memastikan hasil pembelajaran tersebut dapat membentuk ke arah anak yang baik lagi cerdik.

Nabi SAW bersabda:

أَكْرِمُوا أَوْلَادَكُمْ، وَأَحْسِنُوا أَدَبَهُمْ

Maksudnya: “Muliakanlah anak-anakmu, dan perelokkanlah adab mereka”. (Riwayat Ibnu Majah)

Antara adab yang boleh diterapkan dalam diri anak-anak kita, ialah mengajar mereka memberi salam apabila bertemu, menjaga adab semasa bergaul dan membantu mereka dalam kesusahan. Biarlah kita

bersusah payah pada saat ini dalam mendidik anak-anak, agar kita dapat merasai kemanisan di penghujungnya bak kata pepatah:

*“Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian,
Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian”.*

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Bagi merealisasikan hasrat kita bersama, sokongan dan dokongan daripada anggota masyarakat terhadap guru menjadi kayu ukur kejayaan sesuatu bangsa dan tamadun. Jatuh bangun sesebuah tamadun itu berpaksikan kepada nilai ilmu pengetahuan dan adab yang ada pada diri insan. Apabila setiap anggota masyarakat mengambil peduli hal ehwal pendidikan anak-anak, maka perkara yang positif jugalah yang akan terhasil. Sebagai contoh, ada pihak-pihak yang berusaha untuk merangka aktiviti-aktiviti bagi memupuk minat dan kemahiran anak-anak, sudah pasti ia akan meningkatkan nilai kematangan dan keyakinan anak-anak untuk menghadapi realiti kehidupan di masa akan datang.

Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya: *“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”*

Justeru, bagi menghasilkan pendidikan yang berkualiti tinggi, semua pihak seperti Persatuan Alumni, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG),

Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB), Pelibatan Ibu Bapa Komuniti dan Swasta (PIBKS), agensi-agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat setempat perlu menjalinkan kerjasama yang erat dengan institusi pendidikan serta memberikan sokongan yang padu kepada para guru. Seterusnya, khatib menyeru sidang jemaah sekalian marilah kita mengangkat martabat guru dengan mengamalkan apa yang diajar, memberi kepercayaan yang jitu serta mendoakan kesejahteraan mereka agar keberkatan dan rahmat daripada Allah sentiasa memayungi hidup kita di dunia dan akhirat.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Mengakhiri khutbah, sekali lagi khatib menyeru seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran sebagai panduan dalam kehidupan seharian:

Pertama: Guru mempunyai peranan yang besar dalam menyampaikan ilmu bagi membentuk murid yang berakhlak mulia, seterusnya menyumbang kepada masyarakat yang bertamadun, beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.

Kedua: Ibu bapa perlu memastikan kesinambungan ilmu yang diajar di sekolah dipraktikkan di rumah atau di mana sahaja bagi memberi nilai tambah kepada proses pembentukan akhlak dan jiwa anak-anak, dan

Ketiga: Masyarakat hendaklah bersedia menyokong dan berganding bahu dengan guru bagi mewujudkan murid yang berpengetahuan, berketerampilan, berdikari dan berupaya menjadi pelapis kepimpinan negara.

Firman Allah SWT surah al-'Araf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: “Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua Bulan Mei

2024M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَىٰ رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَيَّ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنَّا بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta dapat mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٥﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾